



Kata Alu-aluan

Yang Mulia

Hajah Rokiah binti Haji Badar

Pengarah Urusan

Brunei Darussalam Central Bank (BDCB)

Muzakarah Syariah Kewangan Islam

Rabu, 11 September 2024 bersamaan dengan 7 Rabiulawal 1446

The Centrepont Hotel, Bandar Seri Begawan

Bismillah Hir Rahman Nir Rahim

Alhamdulillah Rabbil 'Aalameen, Wassalaatu Wassalaamu 'Alaa Asyrafil Mursaleen, Sayyidinaa Muhammadin, Wa'ala Aalihee Wasahbihee Ajma'een, Waba'du.

Yang Dimuliakan

Pehin Pengerusi Lembaga Penyeliaan Kewangan Syariah (LPKS), Ahli-ahli LPKS, Pihak Pengurusan BDCB, Ahli-ahli Badan Penasihat Syariah (BPS) Institusi-institusi Kewangan Islam (IKI), Pengarah-pengarah Eksekutif BDCB, pegawai-pegawai BDCB dan Institusi-institusi Kewangan Islam (IKI),

Assalamu 'Alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh

1. Alhamdulillah, dengan izin Allah Subhanahu Wata'ala jua, kita diberikan peluang bersama-sama di dalam Muzakarah Lembaga Penyeliaan Kewangan Syariah kali ketiga [3] setelah pertama kali ia di adakan pada tahun 2020 dan seterusnya pada kali kedua [2] pada tahun 2022. Mengambil kira pengalaman dan maklum balas yang amat positif daripada muzakarah terdahulu, muzakarah pada kali ini diberikan nafas baru dengan nama Muzakarah Syariah Kewangan Islam dengan beberapa objektif berikut –

Pertama, meluaskan lagi skop penyertaan iaitu dengan melibatkan pegawai-pegawai yang menjalankan fungsi-fungsi pengawalan Syariah;

Kedua, sebagai wadah perbincangan di antara Lembaga Penyeliaan Kewangan Syariah, Badan Penasihat Syariah, Jabatan-jabatan Syariah dan fungsi-fungsi pengawalan Syariah; dan

Ketiga, sebagai usaha mengenalpasti dan memperkasa pembentang-pembentang tempatan yang berpotensi untuk menjadi pembentang di mana-mana forum atau seminar kewangan Islam tempatan, serantau mahupun antarabangsa.

Yang Dimuliakan Pehin, hadirin dan hadirat sekalian,

2. BDCB dalam menjalankan salah satu mandatnya iaitu dalam memastikan kestabilan kewangan, akan sentiasa melaksanakan penyeliaan dan pengawalseliaan yang selari dengan perkembangan semasa, ini termasuklah dengan mengeluarkan peraturan-peraturan yang bersesuaian, dan tidak terkecuali juga ialah peraturan-peraturan yang berkaitan dengan pematuhan Syariah agar aktiviti dan operasi yang dijalankan oleh institusi-institusi kewangan Islam adalah menurut kehendak Hukum *Syara'*.

3. Beberapa notis dan garis panduan telah dikeluarkan oleh BDCB antaranya Notis Tadbir Urus Syariah, Notis dan Garis Panduan Audit Dalaman Syariah, Notis Lantikan Badan Penasihat Syariah, dan Garis Panduan Piawaian-Piawaian Syariah.

4. Pelaksanaan peraturan-peraturan tersebut tidak akan dapat dilaksanakan dengan jayanya tanpa komitmen dan usaha yang padu di peringkat Badan Penasihat Syariah, pihak pengurusan dan fungsi-fungsi kawalan Syariah (Syariah control functions) sebagaimana yang diperuntukkan di dalam rangka kerja tadbir urus Syariah.

5. Manakala di peringkat BDCB, keberkesanan pelaksanaan peraturan-peraturan tadi akan sentiasa diukur melalui mekanisme penyeliaan yang sesuai, dan ini termasuklah dengan memperkenalkan Syariah Risk-Based Framework (SyaRiF) yang telah mula dilaksanakan pada tahun 2023 yang lalu melalui mekanisme Risk Profile Questionnaire (RPQ) dalam menilai status risiko Syariah bagi sesebuah institusi kewangan Islam.

YDM Pehin, hadirin dan hadirat sekalian,

6. Tema Muzakarah pada kali ini adalah Hala Tuju Syariah dalam Kewangan Islam di Negara Brunei Darussalam. Ianya adalah sesuai

dalam konteks Negara Brunei Darussalam pada masa ini iaitu untuk memikirkan dan menyusun strategi baru dan mampan dalam memastikan pematuhan Syariah dilaksanakan dengan lebih teratur dan sempurna, dan dalam masa yang sama juga dapat mengenal pasti potensi-potensi di dalam produk dan perkhidmatan kewangan Islam yang kompetitif dan berdaya maju untuk diperkenalkan sama ada di peringkat regional mahupun antarabangsa. Adalah diharapkan muzakarah ini juga dan dimasa akan datang menjadi wadah perbincangan dan percambahan fikiran dalam melihat isu-isu dan keperluan global yang berkaitan dengan Environment, Social & Governance (ESG) dan Sustainable Development Goals (SDGs) kerana kedua-dua objektif ini juga adalah selaras dengan Maqasid Syariah.

7. Untuk akhirnya, kaola, saya ingin merakamkan ucapan setinggi-tinggi terima kasih di atas kesudian Yang Dimuliakan Pehin meluangkan masa menghadiri muzakarah pada hari ini, dan begitu juga ahli-ahli Lembaga Penyeliaan Kewangan Syariah, ahli-ahli badan penasihat Syariah institusi-institusi kewangan Islam, pihak pengurusan dan pegawai-pegawai daripada BDCB dan institusi kewangan Islam keseluruhannya. Begitu juga ucapan terima kasih kepada ahli-ahli panel yang berkesudian mengongsikan pengalaman dan kepakaran masing-masing di

dalam sesi-sesi perbincangan nanti. Semoga usaha dan amal kitani di dalam muzakarah ini akan mendapati keredhaan dan ganjaran pahala daripada Allah Subhanahu wa Ta'ala jua, amin ya Rabbal 'Alamin.

Sekian.

Wabillahit Taufik Walhidayah.

Wassalamu 'Alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.